

02 MAR 1998

UMNO-Sabbaruddin

ADUAN POLITIK WANG SEMAKIN MENINGKAT, KATA SABBARUDDIN

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Semakin banyak aduan mengenai politik wang diterima ibu pejabat UMNO menjelang mesyuarat perwakilan bahagian-bahagian parti itu yang akan bermula kira-kira 10 hari lagi.

Setiausaha Agung UMNO Datuk Sabbaruddin Chik berkata satu daripada aduan itu membabitkan penggunaan wang RM4,300 yang dikatakan berlaku dalam satu bahagian di Kelantan.

Perkara itu sedang disiasat oleh Jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan parti dan telah dibincangkan pada mesyuarat jawatankuasa itu yang dipengerusikan oleh Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim petang ini.

"Ada saksi yang sudah dipanggil, cuma kita perlu mendapat keterangan daripada satu-dua orang saksi lagi berkenaan dengan politik wang bahagian berkenaan," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas mesyuarat itu.

Ketika ditanya sama ada kes itu akan dirujuk kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR), Sabbaruddin berkata ibu pejabat akan menyelidik terlebih dahulu kes berkenaan sebelum memutuskan untuk mengambil tindakan selanjutnya.

Beliau berkata, mesyuarat hari ini juga telah memutuskan beberapa tindakan yang akan dicadangkan kepada Majlis Tertinggi yang akan bermesyuarat malam ini termasuk tindakan menyingkir, menggantung, melucutkan hak bertanding dan memberi amaran keras kepada beberapa orang anggota UMNO kerana pelbagai kesalahan.

Jawatankuasa itu juga memutuskan untuk memansuhkan hak seorang anggota untuk bertanding dalam pemilihan parti kali ini, katanya.

Sabbaruddin berkata, jawatankuasa itu juga mengesahkan mesyuarat agung tahunan cawangan Permatang Pasir dan cawangan Permatang Pasir Tengah dalam bahagian Kota Melaka yang diarahkan diadakan semula berikutan kekecohan baru-baru ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi UMNO malam ini.

-- BERNAMA

AFY NMO